Putera Umno tambah ahli

BM - 21/6/07

BALING: Putera Umno akan memperhebatkan gerakan mendaftarkan ahli baru bagi membolehkan lebih ramai remaja dibawa menyertai pelbagai kegiatan berfaedah yang dilaksanakan pertubuhan itu.

Ketuanya, Datuk Abd Azeez Abd Rahim, berkata pihaknya akan menjalankan gerakan mendaftar ahli supaya golongan remaja yang belum menyertai mana-mana pertubuhan mengikuti program yang dianjurkan Putera Umno.

"Kami mahu mereka ada persatuan untuk bernaung, sekali gus memudahkan mereka melakukan pelbagai kegiatan berfaedah," katanya selepas majlis perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan Pemuda Umno Bahagian Baling di sini, semalam.

Perasmiannya disempurnakan Exco Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hamid Nazahar.

Abd Azeez berkata, setakat ini lebih 200,000 remaja sudah mendaftar sebagai ahli Putera Umno.

Katanya, Putera Umno akan mendekati remaja bermasalah supaya dapat menarik kumpulan itu melakukan perkara berfaedah.

Sementara itu, Hamid berkata, Pemuda Umno perlu memantapkan lagi perjuangan mereka supaya dapat terus membangunkan bangsa Melayu yang menghadapi pelbagai cabaran getir sekarang.